

04 OCT 1997

Mahathir-Sokongan ''''

AHLI PERNIAGAAN SOKONG PERDANA MENTERI ATASI MASALAH MATAWANG

Oleh: K.C. Leong

BUENOS AIRES, 4 Okt (Bernama) -- Rombongan perniagaan yang mengiringi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatan ke Amerika Selatan telah menyuarakan sokongan mereka kepada Perdana Menteri dalam usaha mengatasi masalah matawang yang dihadapi sekarang.

Mereka menyatakan sokongan itu dalam perjumpaan khas dengan Perdana Menteri pada akhir lawatannya ke empat negara di benua ini. Sebelum ini, Dr Mahathir dan rombongan telah melawat Cuba, Chile dan Uruguay.

Apabila ditanya kenapa ahli perniagaan itu perlu membuat sokongan sedemikian, Dr Mahathir memberitahu persidangan media untuk wartawan Malaysia bahawa "nampaknya, mereka (ahli perniagaan) berpendapat perlu".

"Pada pendapat saya, ia tidak ada makna langsung dalam perkara ini dan mereka membuat kenyataan ini (sokongan) mungkin kerana mereka membaca terlalu banyak rencana dalam majalah-majalah Barat yang menyuruh saya meletak jawatan," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata beliau menghargai sokongan itu tetapi "jika saya tidak boleh menangani masalah ini, memang patutlah saya "tidak ada" dan memberi peluang kepada orang lain yang lebih cekap. "Tetapi setakat ini, saya belum "give up" lagi," kata beliau.

Rombongan perniagaan itu diketuai Tan Sri Francis Yeoh, Pengarah Urusan YTL Corp. Berhad dan termasuk wakil dari syarikat-syarikat besar Malaysia dari pelbagai sektor.

Dr Mahathir juga berkata bahawa kerajaan belum mengetahui bagaimana mengatasi masalah kemerosotan nilai ringgit yang telah jatuh kira-kira 30 peratus berbanding dolar Amerika sejak dua bulan kebelakangan ini.

Tetapi, yang penting ialah rakyat tidak panik kerana jika mereka panik, apa sahaja rancangan yang dilaksanakan tidak akan mencapai kejayaan.

"Sebab itulah saya meminta supaya jangan panik dan apa-apa rancangan yang dicadang dan dilaksanakan hendaklah kita bersama-sama memikul dengan secara yang tertib, tersusun dan disiplin," kata Dr Mahathir.

Ketika menjawab soalan bahawa ada laporan-laporan di Malaysia menyebut bahawa ada orang yang panik, Dr Mahathir berkata khabar angin itu dimulakan oleh orang asing.

Katanya ada laporan dalam majalah asing yang mengatakan beliau patut meletak jawatan.

"Nampaknya ada orang yang bukan tidak percaya kepada matawang kita tetapi hanya hendak saya turunsahaja. Dia nak tutup mulut saya kerana mengkritik mereka," kata Dr Mahathir.

Sebelum itu, Perdana Menteri berkata ada banyak peluang perniagaan dan pelaburan yang terbuka kepada ahli perniagaan dan para pelabur Malaysia di rantau ini.

Mereka boleh melabur dalam bidang-bidang yang mereka mempunyai kepakaran dan melabur dalam industri perlombongan kerana rantau ini mempunyai banyak jenis bijih, termasuk granit.

Uruguay, misalnya, boleh digunakan sebagai pusat untuk berniaga dengan Selatan Brazil, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga mencadangkan kepada ahli perniagaan Malaysia supaya mengeksport barangan Malaysia dengan barangan negara jiran ke Amerika Selatan dan sebaliknya.

"Ini bermakna kita boleh menggunakan kapal kita sendiri, kapal yang lebih besar, dan isi penuh kapal ini supaya dapat mengurangkan kos perkapalan yang menjadi satu masalah dalam dagangan kita kerana rantau ini

terlalu jauh dari Malaysia," kata beliau.

Ditanya mengenai kemungkinan sekatan dikenakan oleh Amerika Syarikat terhadap perbadanan petroleum negara, Petronas, kerana penyertaannya dalam projek gas Iran berharga berbilion dollar, Dr Mahathir berkata beliau berharap Amerika lebih adil dalam apapun tindakan yang diambilnya.

Katanya Petronas mengambil bahagian dalam projek perkongsian dengan syarikat minyak Perancis Total dan Gazprom, perbadanan minyak dan gas Rusia, dan jika sekatan dikenakan terhadap Petronas, ia juga harus dikenakan terhadap Total dan Gazprom.

Beliau turut menafikan yang beliau bercadang untuk membuat kenyataan penting kepada negara menerusi televisyen pada 11 Okt semasa ditanya mengenai laporan yang beliau merancang berbuat demikian. "Tidak terfikir saya untuk membuat sebarang ucapan penting dan saya tidak dengar pula sesiapa yang mahu membuat sebarang ucapan penting," katanya. -- BERNAMA

LKC FAZ RON